

Urbanisasi bukan bencana besar

PROSES urbanisasi tidak boleh dielak kerana Malaysia menuju ke arah sebuah negara perindustrian dan mengecap pelbagai kemewahan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun kawasan pedalaman akan kekurangan penduduk, kebanyakan mereka hanya menjalankan pekerjaan yang kurang produktif.

"Proses perpindahan ini bukanlah bencana besar. Jika penduduk ini terus tinggal di kawasan pedalaman untuk menanam padi, mereka sebenarnya tidak memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara. Saya rasa jika mereka bekerja di kilang, sumbangan mereka adalah lebih baik," katanya dalam temuramah khas 'Rancangan Wawancara Khas dengan Perdana Menteri' yang disiarkan di RTM malam ini.

Katanya, sehubungan itu adalah lebih baik kampung dipertingkatkan menjadi pekan kecil yang mempunyai pelbagai kelengkapan di samping penduduk digalakkan dengan pelbagai kegiatan sampingan seperti kraftangan.

"Walaupun urbanisasi menyebabkan jumlah penduduk dan tenaga kerja di kampung berkurangan, kegiatan pertanian boleh dikendalikan secara besar-besaran dengan penggunaan teknologi dan pelbagai mekanisme lain," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, adalah agak mustahil untuk menjadikan semua kawasan pedalaman sebagai kawasan industri kerana adakala kawasan itu tidak sesuai.

"Sebagai contoh, jika kerajaan mewujudkan kegiatan industri yang memerlukan 1,000 pekerja di sebuah kampung, mungkin di kawasan itu penduduknya kurang.

"Oleh itu, adalah lebih wajar mewujudkan kegiatan perindustrian di sebuah pekan dan membawa pekerja dari luar," katanya.

Ditanya sama ada langkah mewujudkan kawasan perindustrian kecil dan sederhana di kawasan pedalaman akan memperbaiki keadaan itu, Perdana Menteri berkata: "Ia boleh dilakukan tetapi agak terhad. Perindustrian kecil dan sederhana adalah kegiatan sokongan dan oleh itu ia perlu berdekatan dengan industri utama."

Menjawab soalan lain, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia akan mengekalkan kedudukan sebagai negara pengeluar utama getah, bijih timah dan kelapa sawit walaupun kegiatan perindustrian diberikan penekanan.

"Kita tidak akan meninggalkan kegiatan utama itu tetapi mengendalikannya dengan penuh cekap dan menggunakan sedikit guna tenaga. Kita mahu pada satu hari kerja menoreh boleh dilakukan hanya dengan memetik suis alat khas. Ini bukan sesuatu yang sukar untuk dibuat malah sedang diusahakan oleh Institut Penyelidikan Getah," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu kalangan penyelidik dan jurutera mengubah sikap supaya lebih inovatif dalam menghasilkan pelbagai bentuk pembaharuan.